

BAB V

PENUTUP

Di dalam Bab ini, yaitu sebagai penutup kepada rencana ilmiah ini, kajian akan ditumpukan kepada kedudukan undang-undang pada masa ini yang dikuatkuasaikan di Malaysia Barat dan juga rumusan secara 'am.

Kedudukan Undang-Undang Masa Ini

Di Malaysia Barat statut yang penting yang menerangkan kedudukan dalam perkara ini ialah Guardianship of Infant Act². Selain daripada itu sistem common law England yang berkaitan dengan perkara-perkara ini dikenakan di Malaysia, sekiranya tiada undang-undang bertulis di Malaysia³. Sabagaimana yang telah kita lihat pada awal lagi⁴, akta yang tersebut juga dikenakan kapada pihak-pihak yang mengamut agama Islam. Selain daripada itu, terdapat juga lain-lain undang-undang bertulis seperti Children & Young Person Ordinance, Undang-Undang Pentadbiran

² No 13 1961.

³ Civil Law Act (Revised) 1972 c. 27.

⁴ Lihat Bab I , Supra.

⁵ No 33 Tahun 1947.

Agama Islam ditiap-tiap buah negeri dan lain-lain, juga ada menerangkan tentang hal-hal perkara penjagaan.

Salain daripada itu, Suruhanjaya Di Raja mengenai Undang-Undang Perkhwinan dan Penceraihan bagi bukan orang Islam⁶ ada membuat cadangan-cadangan mengenai penjagaan anak bila perentah penceraihan hendak dibuat. Suruhanjaya itu membuat cadangan bahwa kebijakan sasaorang kanak-kanak itu mestilah diberi pertimbangan yang utama dan juga kemahanan pihak-pihak. Disamping itu kemahanan atau keinginan kanak-kanak juga diberi perhatian dimana sasaorang kanak-kanak itu diberi peluang untuk menyatakan pendapatnya. Dan salanjutnya mahkamah bolih menganggapkan bahwa apa yang baik untuk sasaorang kanak di bawah umur tujuh tahun ialah di bawah jagaan ibunya⁷.

Pasal 85 hingga 87 cadangan suruhanjaya itu bermaksud memberi kuasa mahkamah untuk memberikan jagaan sasaorang kanak-kanak itu sama ada kepada ibu atau bapa dengan memberikan pertimbangan kapada kebijakan kanak-kanak itu. Sementara itu pasal 89 menyatakan tanggongan bapa untuk menyara anaknya dan dimana si bapa telah mati atau diketahui dimana ia berada, tanggongan itu akan dipikul oleh si ibu.

⁶ Report of The Royal Commission on non Muslim Marriage and Divorce Law Kuala Lumpur, 1971 part viii, halaman 85.

⁷ Ibid., Seksyen 85 halaman 45.

Penilaian Rengkas Terhadap Undang-Undang Masa Ini

Jika kita tinjau sapintas lalu, banyak undang-undang bertulis yang menerangkan perkara-perkara yang berkenaan tanggongan penjaga, dan kita tentu merasakan bahwa undang-undang sademikian telah cukup dan jelas untuk menerangkan kedudukan dalam perkara ini. *Guardianship of Infant Act 1961*⁸ merupakan statut yang penting dan akta ini merupakan satu akta yang bolih dikatakan lengkap dan mengandungi undang-undang substantif untuk hal-hal perkara penjagaan. Lagi pun akta ini nampaknya telah dikenakan kapada orang-orang Islam walau pun tertakluk kepada beberapa syarat⁹. Selain daripada akta tersebut, sistem common law yang berkuatkuasa di England yang dikuatkuasakan sakiranya tiada undang-undang bertulis mengenai hal-hal penjagaan. Jadi undang-undang di Malaysia Barat bukan sahaja diterangkan akta tersebut, tetapi juga meliputi undang-undang Inggeris. Ini satu sekop pemakaian undang-undang yang dapat dikatakan luas.

Begitu juga undang-undang pentadbiran Islam ditiap-tiap buah negeri juga telah membuat peruntukan yang jelas tentang tanggongan penjaga terutamanya tentang nafkah kapada anaknya tatkala satelah berlaku penceraian.

Selain daripada itu terdapat juga lain-lain statut seperti *Children and Young Person Ordinance*¹⁰ 1947, *Married*

⁸ No 13 1961

⁹ Lihat kes Maryam v Mohd Arif, supra, Bab 2.

¹⁰ No 33, tahun 1947.

Women and Children (maintenance) Ordinance¹¹ dan lain-lain lagi.

Statut-statut ini juga menerangkan tanggongan seseorang penjaga.

Jadi sebagai rumusan secara am, di sini dapatlah dikatakan bahawa pada hari ini di Malaysia Barat, mempunyai undang-undang substantif yang bolih dikatakan lengkap. Dan lagi di Malaysia Barat, sakiranya cadangan uruhanjaya bagi Undang-Undang Perkhawinan dan Penceraiian bukan orang-orang Islam, diterima ini akan melengkapkan atau men lengkapkan atau menambahkan undang-undang yang ada.



Women and Children (maintenance) Ordinance¹¹ dan lain-lain lagi.

Statut-statut ini juga menerangkan tanggongan seseorang penjaga.

Jadi sebagai rumusan secara am, di sini dapatlah dikatakan bahawa pada hari ini di Malaysia Barat, mempunyai undang-undang substantif yang bolih dikatakan lengkap. Dan lagi di Malaysia Barat, sakiranya cadangan uruhanjaya bagi Undang-Undang Perkhawinan dan Penceraian bukan orang-orang Islam, diterima ini akan melengkapkan atau me lengkapkan atau menambahkan undang-undang yang ada.